

## Pentakrifan Kemiskinan Haid Menurut Perspektif Islam

### *Defining Period Poverty According To The Islamic Perspective*

Latifah A.M\*, Nurul Suhaida Ibrahim, Mohd Manawi Mohd Akib, Mohd Arif Nazri, Mohd Nasir Abdul Majid

*Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia*

\*Corresponding author: umilm@ukm.edu.my

---

#### Article history

Received: 2023-08-25

Received in revised form: 2023-11-17

Accepted: 2024-01-15

Published online: 2024-03-01

#### Abstract

Menstrual poverty is a current topic that is being discussed in both the print and electronic media. Menstrual poverty is a translation of the word "period poverty," which refers to difficulties in managing menstruation caused by a variety of reasons. Financial restrictions to purchase menstrual products, lack of information about menstruation, lack of infrastructure to manage menstrual waste, and a lack of privacy space to manage menstruation with dignity are among them. Menstruation management is a critical topic since it concerns a Muslim's personal cleanliness and worship. The purpose of this essay is to discover the real concept of menstruation poverty from an Islamic perspective by reviewing the perspectives of authoritative scholars. This article relates to the writings of experts in the subject of Islamic jurisprudence, both past and current, that are based on syar'i arguments derived from al-Quran and al-Sunnah texts. This study also employed the interview method to obtain data on menstruation poverty from an Islamic perspective. The Islamic definition of menstrual poverty has proven successful, based on the interpretation of the Quran and Hadith. According to the Islamic perspective, menstrual poverty refers to women who face challenges in meeting their need to clean oneself due to a lack of understanding about menstruation in syariah compliance, financial resources and having difficulty managing menstruation with dignity.

*Keywords:* Period Poverty, Menstrual management, Islamic perspective

#### Abstrak

Kemiskinan haid merupakan isu hangat sedang diperkatakan sama ada di media massa atau di media elektronik. Kemiskinan haid adalah terjemahan kepada terma '*period poverty*' yang merujuk kepada kekangan dalam menguruskan haid yang melibatkan beberapa faktor utama. Antaranya ialah kekangan kewangan untuk membeli produk haid, kekurangan ilmu pengetahuan berkaitan haid, tidak memiliki prasarana yang baik untuk urus bahan buangan haid dan tiada ruang privasi untuk mengurus haid dengan bermaruah. Isu pengurusan haid ini merupakan satu isu yang serius kerana ia melibatkan kebersihan diri dan ibadah seseorang muslim. Objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti definisi sebenar kemiskinan haid menurut perspektif Islam dengan melihat pandangan sarjana Islam merujuk kepada penulisan para sarjana dalam bidang fiqh Islam silam dan kontemporari yang berlandaskan dalil-dalil syar'i bersumberkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual pakar bagi mengumpul data tentang kemiskinan haid menurut perspektif Islam. Berdasarkan interpretasi al-Quran dan al-Hadis maka definisi kemiskinan haid menurut perspektif Islam telah berhasil. Kemiskinan haid menurut perspektif Islam memberi maksud wanita yang mengalami halangan untuk memenuhi keperluan membersihkan diri disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan berkenaan haid dan hukum, kekurangan kewangan serta mengalami kesukaran mengurus haid dengan bermaruah.

*Kata Kunci:* Kemiskinan Haid, Pengurusan Haid, Perspektif Islam

## 1.0 PENGENALAN

Istilah haid disebut sebanyak empat kali di dalam al-Quran, satu kali dalam bentuk *fi'l mudhari* (*yahid*) dan tiga kali dalam bentuk *ism mashdar* (*al-mahidh*). Haid ialah masdar daripada perkataan *hada*, *yabi-dbu*, *haidon*, contohnya *haadbat al-mar'atu* (seorang wanita haid). Definisi haid dari segi bahasa memberi maksud air yang mengalir (Wahbah, 2007). Sedangkan menurut istilah syarak, haid bermaksud darah yang keluar dari hujung rahim wanita ketika dia sihat, bukan semasa bersalin atau semasa sakit serta darah yang keluar juga mengikut tempoh tertentu untuk dikira sebagai darah haid (al-Sharbini, 1994). Penciptaan darah haid pada wanita merupakan salah satu rahmat dari Allah SWT kepada seluruh manusia kerana pendarahan haid yang berlaku ini mampu membawa kemaslahatan yang besar salah satunya sebagai tanda tahap kesihatan wanita berada pada keadaan yang baik (Hasim A. N et. al., 2021; Adib et. al., 2015). Perbincangan haid sangat berkait rapat dengan *tabarrah* atau kebersihan diri kerana kebersihan merupakan salah satu cabang ibadah dalam Islam. Salah satu faktor berlakunya kemiskinan haid dalam kalangan wanita ialah faktor pendidikan dan ilmu. Selari dengan pandangan Hannan Fatini & Siti Khatijah (2020) bahawa tanpa ilmu yang betul, seseorang akan melakukan sesuatu secara melulu dan tidak betul.

Kesihihan ibadah seseorang hamba Allah diukur pada pelaksanaan taharah yang sempurna. Ibadah merupakan sandaran asas nilai ketaatan kepada Pencipta (Siti Fatimah Salleh et. al, 2021). Hal ini pernah disebut dalam hadis Rasulullah SAW:

"غُلٰى مِنْ صَدَقَةٍ وَلَا طُهُورٌ بِغَيْرِ صَلَاتَةِ اللَّهِ يَعْلَمُ لَا " ﷺ اللَّهُ رَسُولُ قَالَ قَالَ أَبِيهِ عَنْ الْمُلِيقِ أَبِي عَنْ

Bermaksud: Diriwayatkan daripada Abu Al-Malih bahawa ayahnya berkata:  
"Rasulullah SAW bersabda: "Allah tidak menerima solat tanpa bersuci dan tidak pula menerima sedekah dari ghulul."

Hadis di atas mempamerkan satu hukum yang sangat besar iaitu solat seseorang hamba tidak akan diterima tanpa bersuci dengan sempurna. Tambahan, bersuci pula tidak hanya bersuci sebarang melainkan dengan tatacara yang telah digariskan dalam Islam. Namun, apabila seseorang tidak memiliki ilmu yang betul tentang tatacara bersuci dari hadas, sudah tentu ia akan membawa kepada tidak sah ibadah seseorang. Ilmu bersuci daripada haid ini merupakan salah satu faktor penyebab berlakunya kemiskinan haid dalam kalangan wanita sekiranya tidak kuasai ilmu ini. Walaupun perbincangan berkaitan dengan haid, hukum semasa haid, amalan-amalan sunnah semasa haid sudah banyak ditulis oleh pengkaji, namun penulisan berkaitan dengan kemiskinan haid amat jarang dibincangkan menurut perspektif Islam (Mohd Farouq N. et. al., 2022; Abu Usamah, 2019; Kartina T. & Basri I., 2016; Hasim, N.A et. al., 2016; Ahmad N. et. al., 2022). Maka, artikel ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti definisi sebenar kemiskinan haid menurut perspektif Islam dan menjelaskan pandangan sarjana Islam terhadap konsep kemiskinan haid menurut perspektif Islam.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

Takrifan kemiskinan haid yang diberikan oleh *BMC Women's Health* pada tahun 2021 sebagai kekurangan atau kesukaran dalam mendapatkan produk atau keperluan haid, kekurangan pendidikan, kemudahan air bersih, pengurusan sisa buangan. Manakala menurut Kerina Tull pula, kemiskinan haid ini bermaksud kekurangan akses kepada produk kebersihan kerana beberapa faktor termasuklah faktor kewangan, faktor ilmu pengetahuan dan juga faktor keadaan persekitaran

(Kerina Tull, 2019). Kemiskinan haid atau pengurusan kebersihan haid menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia atau *World Health Organization (WHO)* dan *United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF)* pada tahun 2021 merujuk kepada kekangan yang dihadapi oleh sejumlah masyarakat dalam mendapatkan produk sanitari dan tidak mampu untuk menukar pad atau tampon dalam keadaan selesa dan tertutup. Hal ini adalah disebabkan kesan daripada kemiskinan hidup yang sedang dihadapi mengakibatkan bilangan tuala wanita yang dimiliki perlu dihadkan penggunaannya sehingga ada yang terpaksa menggunakan tuala wanita yang sama bagi tempoh yang lama (Nor Faiza, 2021).

Tambahan lagi, masalah kemiskinan haid lain yang berlaku di kawasan majoriti penduduk yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah adalah permasalahan pengurusan sanitasi, perkara yang menjadi kebimbangan adalah kerana sistem pelupusan sampah tidak diurus dengan baik. Malah, disebabkan kurangnya pengetahuan tentang pengurusan bahan buangan haid dilihat sikap sejumlah penduduk yang tidak mengamalkan kebersihan dan kekemasan persekitaran. Lebih teruk lagi, di tempat pembuangan atau pengumpulan sampah, boleh dilihat tuala wanita yang sudah digunakan terdedah kepada penglihatan umum (Sh. Fatimah al Zahra, 2021). Isu ini dilihat bukan semata kekurangan dari segi produk namun ia juga berkaitan dengan kelakuan dan akhlak. Tambahan lagi, hal ini juga memberi satu sudut pandang yang tidak baik dan mencalar maruah seorang-seseorang wanita itu sendiri. Sebagaimana saranan yang diberikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan di laman portal menjawab persoalan berkenaan pengurusan tuala wanita yang telah dipakai, disarankan untuk dibuang di tempat yang khusus tidak bercampur dengan sisa buangan yang lain. Malah ditekankan juga berkenaan dengan larangan membuang tuala wanita secara terbuka kerana ia boleh menimbulkan suasana yang tidak selesa (Portal Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Kemiskinan haid juga turut melibatkan kekurangan dari aspek pendidikan iaitu ilmu pengetahuan berkenaan haid, kekurangan dari segi pengurusan termasuklah kemudahan dalam aktiviti pembersihan (Sh. Fatimah al Zahra, 2021). Kemiskinan haid berlaku kepada kaum wanita sama ada gelandangan, pelarian, wanita di kawasan pedalaman atau orang asli, sekolah dan golongan miskin bandar (PEPIAS, 2021). Menurut Nor Faiza (2021), isu kemiskinan haid ini merupakan isu yang perlu diberi perhatian kerana bukan sahaja soal kekurangan fasiliti namun ia juga melibatkan kesihatan, pendidikan, psikologi dan juga salah faham yang perlu diperbetulkan dalam kalangan masyarakat. Hal ini dapat dilihat dari perkongsian seorang wanita dalam slot Wanita Hari Ini (WHI: Kemiskinan Haid) yang pernah mengalami situasi kemiskinan haid ini kerana kekangan kewangan dalam mendapatkan tuala wanita, juga diceritakan tiada langsung pendedahan atau ilmu yang diberikan kepadanya sebagai persediaan untuk menghadapi haid semasa remaja berkenaan pengurusan haid.

### 3.0 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual. Reka bentuk kajian kualitatif ini sememangnya sesuai dijalankan bagi kajian yang bersifat penerokaan (Crawford & Irving, 2009). Kajian yang bersifat penerokaan merupakan kajian kes berdasarkan kes perbincangan yang dipilih sebagai strategi kajian manakala temu bual dan analisis dokumen sebagai teknik kajian (Ahmad Naqiyuddin 2008a; Neuman 2010). Selari dengan keadaan bidang yang masih belum matang dari segi teori dan amalan, kajian ini mendapat pendekatan, teknik, kaedah, isu dan pengsektoran oleh pengkaji awal bidang yang berkaitan sebagai

panduan dan rujukan. Kaedah analisis dokumen dilakukan dengan merujuk penulisan yang berkaitan perbincangan haid dan kesucian, kemudian di analisis mengikut tema yang berkaitan dengan topik kemiskinan haid menurut perspektif Islam. Antara dokumen yang digunakan adalah artikel akademik, buku sekolah pendidikan Islam peringkat rendah dan menengah serta kitab tafsir yang membincangkan bab hukum seperti *Tafsir al-Qurthubi* dan *Tafsir al-Sabuni*.

Kajian ini menggunakan teknik temu bual sebagai pelengkap kajian kerana data dari temu bual sesuai digabung dengan teknik analisis kandungan dokumen (Krippendorff, 2004). Kajian ini mengadaptasi pendekatan temu bual yang dikemukakan oleh Patton (2002) dan Robson (2011) iaitu pendekatan gabungan antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur atau dipanggil juga temu bual formal dan tidak formal. Temu bual tidak berstruktur menawarkan keanjalan, spontan, dan tindakbalas terhadap perbezaan individu dan perubahan situasi. Kaedah temu bual pula dilakukan dengan menggunakan beberapa langkah termasuklah pembinaan soalan temu bual, kemudian soalan temu bual yang telah dibina melalui kesahan pakar. Seterusnya temu bual dijalankan dalam kalangan pakar bidang dan hasil temu bual akan melalui proses transkripsi serta data temu bual di analisis mengikut tema (Robson, 2011). Pakar yang dipilih bagi temu bual adalah berdasarkan kepada kepakaran dalam bidang kajian selama lima tahun atau lebih pada masa yang sama boleh memberi maklumat berkaitan takrifan kemiskinan haid di Malaysia melebihi apa yang diperolehi dari sumber penerbitan (Rabina, 2001) dan memberi maklumat yang berguna (Ismail, 2008). Antara pakar yang dipilih ialah Dr. Mohd Arif Nazri (UKM), merupakan seorang pakar hadis, Dr. Sharifah Fatimah Al-Attas (UIAM) merupakan seorang pensyarah dalam bidang sosiologi, juga merupakan aktivis masyarakat dalam memberi kesedaran tentang isu kemiskinan haid. Pakar lain juga ialah Prof. Dr. Rafidah Hanim Mokhtar (USIM) merupakan pakar dalam bidang sains kesihatan yang memberi pandangan berkenaan kemiskinan haid dari sudut sains kesihatan.

Temu bual bersama pakar dilakukan secara bersemuka bagi yang dapat meluangkan masa berjumpa bersama pengkaji manakala temu bual secara atas talian dilakukan bagi yang tidak dapat berjumpa secara bersemuka. Temu bual dijalankan selama satu jam setengah atau lebih bersama pakar dengan mengajukan soalan-soalan yang telah disenaraikan dalam protokol soalan temu bual. Seterusnya jawapan yang diberikan oleh pakar akan melalui proses transkripsi dan analisis bagi mengeluarkan tema-tema yang berkaitan dengan kemiskinan haid untuk mendapatkan takrifan kemiskinan haid menurut perspektif Islam.

## 4.0 PERBINCANGAN PENTAKRIFAN KEMISKINAN HAID

Takrifan sedia ada kemiskinan haid perlu diselaraskan dengan pandangan menurut perspektif Islam kerana perbincangan kemiskinan haid terdapat dalam lingkungan perbincangan isu kebersihan, tatacara bersuci, ilmu hukum yang sangat penting dalam Islam. Artikel ini tidak menolak definisi kemiskinan haid yang diberikan oleh BMC, WHO dan UNICEF tetapi tambah baik dari sudut pandang Al-Quran dan hadis kerana kebersihan merupakan perkara utama dalam masyarakat Islam. Kemiskinan haid itu tidak hanya memberi makna kepada material semata tetapi juga diperluaskan skop kepada spiritual dan ilmu pengetahuan. Antara perbincangan kemiskinan haid yang perlu dilihat lebih meluas menurut perspektif Islam merangkumi ilmu pengetahuan dan pendidikan, tatacara menjaga kebersihan diri, keistimewaan wanita dalam Islam serta bantuan dan infak yang mampu membantu golongan wanita yang mengalami kemiskinan haid.

#### 4.1 Ilmu Pengetahuan dan Pendidikan

Ayat tentang haid dalam al-Quran pada surah al-Baqarah, ayat 222 diturunkan dalam bentuk pertanyaan yang merupakan satu bentuk ilmiah dan perbincangan. Manakala, intipati daripada ayat tersebut memberi gambaran bahawa persoalan tentang haid ini penting sehingga Allah SWT memerintahkan Rasulullah untuk menjawab persoalan tersebut dengan huraian yang panjang. Diriyatkan oleh Imam Muslim bahawa sekelompok sahabat Nabi bertanya kepada Nabi tentang perilaku orang yang tidak makan bersama dan bergaul dengan isteri mereka di rumah ketika isteri sedang haid. Maka turunlah ayat ini,

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ ۖ قُلْ هُوَ أَذْنٌ فَاعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ ۖ وَلَا تَقْرِبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهَرْنَ ۖ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ  
فَأُتْهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمْرَكُمُ اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَابِينَ وَيُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ

“Mereka bertanya kepadamu tentang haid, katakanlah: haid itu adalah kotoran. Oleh karena itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid dan janganlah kamu mendekati mereka sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci, maka campurilah mereka ditempat yang diperintahkan oleh Allah kepada mu, Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang taubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan.” (Al-Baqarah: 222). (HR Sunan Ibnu Majah)

Firman Allah SWT dalam surah ini membuktikan bahawa pada zaman Rasulullah SAW juga telah berlaku salah faham terhadap wanita sedang haid. Menurut kitab tafsir al-Qurthubi, dalam ayat ini sahaja mengumpulkan empat belas permasalahan yang berkaitan dengan wanita haid. Hal ini memberi gambaran bahawa ilmu haid itu sangat luas dan perlu diterokai serta difahami oleh setiap individu. Antara 14 perbahasan tersebut adalah berkaitan dengan maksud darah haid, alat atau produk mencegah darah menitis, warna darah, tempoh haid, sifat darah, perkara haram semasa haid, perkara halal semasa haid, kaffarat melanggari perkara haram, keperluan bersuci, tatacara bersuci dan perihal hubungan suami isteri serta seruan untuk mensucikan diri dengan bertaubat.

Perihal haid dan darah wanita ini tidak boleh dipandang mudah malah sepatutnya menjadi keutamaan bagi setiap insan bergelar muslim. Hal ini demikian, ilmu ini perlu disampaikan sama ada melalui guru, ibu bapa, mahu pun ketua keluarga. Pada zaman Rasulullah sudah pun berlaku salah faham tentang haid maka turunnya ayat-ayat al-Quran serta tambahan penjelasan daripada Rasulullah SAW memberi panduan dan penyelesaian kepada umat Islam bahawa penyampaian ilmu haid ini sepatutnya diberi penekanan dalam sesbuah keluarga terutama sekali ketua keluarga. Ketua keluarga perlu memastikan bahawa isteri dan anak perempuan memiliki ilmu dengan betul dan sihat. Selari dengan hasil temu bual yang dijalankan bersama pakar dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) nyatakan:

*“Hubungan kekeluargaan sangat penting, sebelum ini pun sememangnya disampaikan daripada ibu kepada anak, daripada nenek kepada ibu dan sebagainya. Semua perlu tahu, termasuklah bapa sendiri. Tapi tetap perlu ada support system bagi mereka yang dalam situasi sebagai bapa tunggal, ibu yang anak pertama nak baligh, jadi pendidikan dalam bentuk asas kekeluargaan dan perlu juga disentuh di sekolah-sekolah, sebenarnya perkara ini dah ada dalam pendidikan islam bahagian fiqh, dan pendidikan jasmani juga sudah ada menyentuh bab reproduktif, dan memang perlu tambah tentang pengurusan haid yang betul cuma tidak perlu banyak. Kerana benda ini mudah, tapi dirumitkan oleh pihak yang mengkapitaliskan perkara ini. Dan, disebabkan perkara ini buat masyarakat nampak stress dan sebagainya.”*

Ini memberi satu penjelasan bahawa ilmu haid ini merangkumi semua aspek dan sokongan daripada semua pihak amat penting bagi memastikan ilmu berkaitan haid ini sampai kepada golongan yang memerlukan. Menurut WHO nyatakan mengenai takrifan kemiskinan haid adalah berkait rapat dengan ilmu pengetahuan. Apabila dilihat dari perspektif Islam, ilmu pengetahuan yang melibatkan perbahasan tentang haid ini sangat banyak antaranya berkaitan dengan hukum hakam, warna darah, bilangan hari, larangan dan sebagainya. Namun perkara ini tidak disentuh dalam konteks kemiskinan haid yang diberikan oleh barat.

#### 4.2 Tatacara Menjaga Kebersihan Peribadi

Islam sangat mengambil berat tentang kebersihan diri dan amalan bersuci, oleh yang demikian hukum taharah atau membersihkan diri adalah wajib. Hal ini dapat dilihat sebagaimana perintah Allah swt:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهُكُمْ وَأَيْدِيکُمْ وَامْسِحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَارْجُلُكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

*Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, sekiranya kamu ingin mendirikan sembahyang, maka basuhlah muka-muka kamu dan tangan-tangan kamu hingga ke siku, dan sapulah kepala-kepala kamu dan kaki-kaki kamu hingga ke dua buku lali.*

(Al Maidah:6)

Terdapat beberapa tatacara yang harus dilakukan oleh seseorang untuk mensucikan diri meliputi mandi wajib, berwuduk dan tayammum. Mandi dari segi bahasa ialah mengalirkkan air ke atas apa sahaja benda manakala dari segi syarak pula mengalirkkan air ke atas badan dengan niat yang tertentu (Mustofa et al., 2014). Mandi adalah disyariatkan sama ada dengan tujuan membersih, atau mengangkat hadas, sama ada ia menjadi syarat untuk tujuan menunaikan ibadah ataupun tidak. Menurut tafsir al-Qurthubi menyatakan sifat mandi wanita haid ini adalah sama seperti sifat mandi junub. Para ulama' telah meletakkan tiga syarat fardhu mandi wajib, iaitu (i) niat, (ii) menghilangkan najis jika sekiranya ada pada badan, (iii) meratakan air ke seluruh rambut (bulu-bulu) dan badan.

Setiap ilmu yang ada dalam Islam sangat terperinci sehingga diajarkan kepada pengikutnya bagaimana tatacara yang betul dan sempurna dalam membersihkan diri semasa dan selepas haid. Antara hadis yang berkaitan dengan tatacara bersuci yang dimaksudkan adalah:

حَدَّثَنَا أَصْبَحُ، قَالَ أَخْبَرَنِي أَبْنُ وَهْبٍ، قَالَ أَخْبَرَنِي عَمْرُو بْنُ الْحَارِثِ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْقَاسِمِ، حَدَّثَنَا عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ كَانَتِ إِحْدَاهَا تَحِيطُ، ثُمَّ تَقْرَصُ الدَّمَ مِنْ ثُوبِهَا عِنْدَ طَهْرِهَا فَتَغْسِلُهُ، وَتَضْطَحُ عَلَى سَائِرِهِ، ثُمَّ تُصَلِّي فِيهِ

*Bermaksud: "Asbagh memberitahu kami, dia berkata Ibn Wabb memberitahu saya, dia berkata Amr ibn al-Harith memberitahu saya, dari Abd al-Rahman ibn al-Qasim, dia memberitahu dari bapanya, dari Aisyah, dia berkata: Salah seorang di antara kami sedang haid, kemudian dia mengambil darah dari pakaiannya apabila dia bersuci, kemudian dia mencucinya, dan memercikkannya di atasnya." (Sahih al-Bukhari, 308)*

Rasulullah SAW juga mengajarkan cara membasuh pakaian yang terkena darah haid dengan betul dan sempurna jika darah tersebut terkena pakaian sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Asma' Binti Abu Bakar. Kata beliau:

سَأَلَتِ النَّبِيَّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- عَنْ دَمِ الْحَيْضَرَةِ يُصِيبُ التَّوْبَ فَقَالَ : حُتَّيْهُ ثُمَّ أَفْرُصِيهِ بِالْمَاءِ ثُمَّ رُشِّيْهُ فَصَلَّى فِيهِ

*Maksudnya: "Aku bertanya kepada Nabi saw tentang darah haid yang terkena pada pakaian. Nabi saw bersabda: basuhlah ia dan gosoklah ia dengan air serta siramlah ia (setelah digosok). Kemudian solatlah dengan pakaian tersebut."*

Riwayat al-Tirmizi (138) & Abu Daud ( 362)

Hadis di atas memberi penerangan bagaimana cara darah haid yang terkena pakaian perlu dibersihkan dan setelah dibersihkan pakaian tersebut boleh terus dibawa untuk solat. Namun disebabkan kedangkalan ilmu penjagaan kebersihan diri, masyarakat wanita merasakan haid yang perlu dilalui setiap bulan merupakan sesuatu yang menyusahkan.

#### 4.3 Keistimewaan Wanita dalam Islam

Islam merupakan agama yang menjaga maruah dan kehormatan wanita malahan pada awal kedatangan Islam telah menganjurkan masyarakat untuk perlakukan wanita dengan empati, rasa hormat dan penuh keadilan (Rahman T.A, 2018). Pada zaman jahiliyah wanita dipandang rendah dan dijadikan hamba nafsu semata-mata. Pandangan masyarakat terhadap wanita ketika zaman tersebut amat rendah bahkan wanita ketika itu tidak dibenarkan menjalani kehidupan seperti kebiasaan (Mu'allim M.B, 2018). Justeru sesiapa sahaja yang melahirkan anak perempuan ketika itu akan membunuh anaknya hidup-hidup. Hal ini digambarkan di dalam Al-Quran pada surah Al-Nahl: ayat 58-59 Allah SWT berfirman, yang bermaksud:

*"Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati. Ia bersembunyi dari orang ramai kerana (merasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang ia beroleh anak perempuan; sambil ia berfikir): adakah ia akan memelibara anak itu dalam keadaan yang hina, atau ia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! Sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu."*

Kedatangan Islam telah membawa sinar baharu kepada golongan wanita serta mengangkat darjah wanita dan mengiktiraf hak-hak yang sepatutnya diberikan kepada golongan ini (Abdullah R.B, 2013). Terdapat hadis yang memberi peringatan agar mengawasi kelakuan supaya dapat mengelakkan berlaku kezaliman terhadap golongan wanita khususnya yang telah bergelar isteri (Hasiah M.S & Yusliha M.Y, 2009). Tambahan lagi, Rasulullah SAW memberikan perumpaan mukmin yang paling soleh merupakan lelaki yang paling berkelakuan baik terhadap isteri, sebagai satu anjuran kepada lelaki untuk berbuat baik kepada wanita.

**أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ " أَكْمَلَ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخَيْرُكُمْ لِنِسَائِهِمْ خُلُقًا " . قَالَ وَفِي الْبَابِ عَنْ عَائِشَةَ وَابْنِ عَبَّاسٍ**

*Maksudnya: "Abu Kuraib memberitahu kami, Muhammad bin Al-Ala memberitahu kami, Abda bin Suleiman memberitahu kami, dari Muhammad bin Amr, Abu Salamah memberitahu kami, Dari Abu Hurairah, dia berkata: Rasulullah saw. dan saw bersabda: 'Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya, dan sebaik-baik kamu adalah yang paling baik terhadap isteri-isteri mereka.' untuk ditemui. Dia berkata dari Aisyah dan Ibnu Abbas."*

Melihat kepada hadis di atas, tabu dan stigma yang dilaporkan berlaku dalam kalangan wanita Islam tidak sepatutnya wujud kerana Islam sangat menjaga kehormatan seorang wanita. Sedangkan wanita yang mengalami kemiskinan haid ini mempunyai perasaan malu dan hidup dalam ketakutan

kerana risau menjadi bahan ejekan kawan-kawan lelaki mahu pun di sekolah atau di tempat kerja (Nor Faiza M.T et. al., 2021). Keistimewaan yang Islam telah letakkan kepada seseorang wanita sepatutnya mampu menjaga wanita dari terjerumus dalam salah faham dan stigma yang berlaku seandainya setiap dari muslim itu menjaga ketetapan yang telah Allah SWT perintahkan.

Selari dengan hasil temu bual yang dijalankan bersama pakar hadis dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Mohd Arif Nazri nyatakan:

*“Wanita yang didatangi haid bukanlah satu bukuman, bala atau tanda Allah SWT murka kepada para wanita melainkan tanda rahmat Allah SWT. Wanita ni ada hari ABC, apa itu ABC? ‘Allah Bagi Cuti’ Ini lah istimewanya wanita, tidak ada pada seorang lelaki, wanita memiliki rahim yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka asbab menjadikan mereka ibu dan bertambahnya umat manusia di bumi Allah.”*

Justeru, pendarahan haid yang berlaku setiap bulan kepada wanita yang telah baligh adalah kehendak Allah SWT dalam menjaga kesejahteraan masyarakat dan kotor yang dimaksudkan pada ayat tersebut hanya merujuk kepada darah haid, bukanlah wanita itu sendiri (Nurdeni Dahri, 2012). Isu tabu dan stigma yang berlaku dalam kalangan wanita haid ini tidak akan berlaku seandainya setiap individu ini mempunyai pengetahuan yang betul pada masa yang sama mempraktikkan amalan pengurusan haid benar. Masyarakat menganggap kotoran itu bukan hanya pada darah tetapi pada wanita yang mengalami haid itu namun sebenarnya tafsiran ini tidak tepat dan perlu diperbetulkan.

#### 4.4 Bantuan sosial dan Infak

Melihat kepada kekurangan dari pelbagai aspek antaranya kewangan, produk, fasiliti yang dihadapi oleh golongan yang mengalami kemiskinan haid ini dapat diselesaikan dengan bantuan sosial dan infak daripada masyarakat kepada masyarakat yang lebih memerlukan. Hal ini demikian, dalam Islam sememangnya menganjurkan umat untuk membantu golongan yang memerlukan pada masa yang sama memberi solusi jangka panjang supaya manfaat yang diberikan membantu golongan ini untuk keluar dari kesempitan yang dilalui. Sebagai mana hadis Rasulullah SAW;

عَنْ أَبِي مُوسَىٰ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ "إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبَنْيَانَ، يَسْتَدِعُ بَعْضُهُ بَعْضًاً" . وَشَبَّاكُ أَصَابِعُهُ

*Maksudnya: Diriwayatkan oleh Abu Musa “Seorang mukmin yang setia kepada mukmin yang beriman adalah bagaikan batu-bata dinding yang saling menguatkan.”  
Sambil (berkata demikian) Nabi menggenggam tangannya, dengan menjalin jari-jarinya.’*

Perkara utama yang diketengahkan dalam menangani isu kemiskinan haid adalah hak golongan ini bagi mendapatkan akses kepada bentuk-bentuk keperluan untuk mengurus diri selama tempoh haid (Norhafizah Abdul Halim, 2022). Kekangan mendapatkan produk haid sangat ketara dialami oleh golongan yang tidak mampu memiliki tuala wanita sama ada jenis pakai buang atau cuci semula. Solusi kepada permasalahan ini sebenarnya telah sedia ada dalam Islam iaitu dengan memberi bantuan sosial dan infak kepada golongan memerlukan. Malahan, perkara ini sememangnya telah dijadikan amalan di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan YADIMart dengan memberikan tuala wanita percuma kepada golongan yang memerlukan sekali gus dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang realiti kemiskinan haid yang berlaku di Malaysia (Samadi Ahmad, 2021). Namun, bantuan yang diberikan perlu berstrategi, bukan semata bantuan secara sekali (*one off*) sahaja. Pada masa yang sama, bantuan yang diberikan perlu juga

mengambil perhatian berkenaan kehendak dan keadaan masyarakat yang memerlukan. Hal ini selari dengan hasil temu bual bersama Pakar Sosiologi UIAM, Dr. Sh. Fatimah Alzahrah binti Syed Hussien:

Ada NGOs dekat Malaysia nii, kita ada banyak kan, contoh nya nak beri bantuan, dia akan bagi pad tapi bukan bagi pad setiap bulan kan, tapi datang pun setahun sekali, tapi haid mereka datang setiap bulan, tapi masalah nya kawasan yang mereka tinggal itu tiada pula kawasan pembuangan tuala wanita, contohnya di kepulauan di Sabah, mereka datang bagi tuala wanita, lawatan yang seterusnya datang tuala wanita terapung-apung dah dekat air sebab tiada tempat khusus untuk wanita urus tuala wanita tersebut. Jadi nampak kat situ lompong yang sebenarnya kita tidak fikir betul betul tentang pengurusan haid wanita. Macam saya cakap tadi lah, walau pun kita adalah half of the population and we are menstruated every month tapi tiada pun solusi kepada basic isu tersebut. Isu yang sangat asas, jadi implication boleh di lihat dari situ. Because it our basic daily need. So kalau kita tak dapat keperluan tersebut akan banyak perkara yang tidak dapat diurus dengan baik.

Justeru, bantuan yang ditawarkan perlu memberi penyelesaian kepada permasalahan pengurusan haid wanita yang terjejas secara menyeluruh dan jangka masa panjang agar masyarakat yang mengalami miskin haid mampu keluar daripada belenggu ini.

## 5.0 KESIMPULAN

Prakarsa memberi takrifan terhadap terma kemiskinan haid secara komprehensif merupakan satu usaha yang relevan pada masa kini. Perbincangan berkaitan kemiskinan haid lebih menumpukan kepada perbincangan produk, pendidikan, pengurusan dan kemudahan yang disediakan namun takrifan tersebut tidak menyentuh bab kebersihan secara patuh syariah dan sebagainya. Sedangkan, jika dikembangkan takrifan kemiskinan haid ini akan melibatkan hukum dan larangan yang telah diperincikan dalam al-Quran dan Hadis. Takrifan kemiskinan haid yang sedia ada tidak menyentuh perbahasan tentang hukum hakam serta garis panduan yang telah sedia ada dalam al-Quran dan Hadis melainkan perbahasan berkaitan dengan masalah produk, pendidikan, pengurusan haid. Kemiskinan haid yang berlaku dalam masyarakat sepatutnya tidak wujud seandainya masyarakat memiliki ilmu yang betul dan mengamalkan tatacara kebersihan mengikut ajaran Islam yang sebenar. Namun disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan, kekurangan kewangan dan tidak diberi pendedahan secara menyeluruh berkaitan kebersihan diri serta pengurusan haid telah memberi kesan kepada masyarakat sehingga tidak dapat menjalani ibadah dengan sempurna.

Sehubungan itu, penulisan artikel ini menemui jalan keluar kepada pentakrifan kepada kemiskinan haid menurut perspektif Islam membawa maksud keadaan wanita yang mengalami halangan untuk memenuhi keperluan membersihkan diri disebabkan kekurangan dari sudut ilmu berkenaan haid serta hukum dan tatacara bersuci dalam Islam, serta kekurangan produk dan fasiliti yang tidak mencukupi menyebabkan berlaku kesukaran untuk para wanita mengurus haid secara bermaruah sedangkan dalam Islam aurat dan maruah wanita adalah perkara yang utama. Ilmu yang dimaksudkan tersebut termasuklah cara mengira bilangan hari, mengenal warna darah dan jenis-jenis darah haid, tatacara mandi wajib, menjaga kebersihan diri sebelum, semasa dan selepas haid. Ilmu ini perlu diutamakan kerana ia merupakan ilmu pengetahuan yang perlu ada pada wanita muslim kerana ia berkaitan dengan ibadah sehari-hari.

## Penghargaan

Artikel ini ingin menyampaikan sekalung penghargaan kepada geran penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), GUP 2021-029. Penghargaan juga diberikan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

## Senarai Rujukan

- Abdullah, R.B. (2013). Citra Wanita: Satu Penelitian Kedinamikan Kepimpinan Wanita Nusantara.
- Abu Usamah Hanafiah bin Hussein. (2019). Soal Jawab Fiqh Darah Wanita Kupasan Tuntas dari Perspektif Mazhab Syafi'i. Kaherah: Markaz ad-Dirasat al-Islamiyyah.
- Ahmad, N., Majid, L.A., Nazri, M.A., Ahmad, S., Saparudin, I.F. and Bakar, S.K.S.A., (2022). Amalan Pengurusan Kebersihan Haid Menurut al-Quran dan al-Sunnah: Menstrual Hygiene Management Practices According to al-Quran and al-Sunnah. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 3(2), 27-35.
- Ahmad Mahadi, S. (2018). Pengurusan Istihadah Menurut Fiqh Islam Dan Perubatan. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 110-124. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/20>
- Dündar, Tuğba and Sevgi Özsoy. 2020. Menstrual hygiene management among visually impaired women. *The British Journal of Visual Impairment*, 38, 347-362.
- Sahih al-Bukhari, Book of Menstrual Periods, Hadith 305, 1 Hadis Sahih Bukhari dan Muslim disemak dari pautan, [https://amrayn.com/bukhari:308?\\_trts=83lrngb3](https://amrayn.com/bukhari:308?_trts=83lrngb3) Access on 22 May 2023
- Hannan Fatini Md Reshad & Siti Khadijah Ismail. (2020). Analisis Sorotan Literatur Bagi Kajian Darah Wanita. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 227-234
- Hasim, N.A., Kashim, M.I.A.M., Othaman, R. and Yahaya, M.Z., (2016). Haid daripada Perspektif Sains dan Maqasid Syariah. *Sains Malaysiana*, 45(12), 1879-1885.
- Hasiah Mat Salleh, Yusliha Mohd Yunus. (2009). Penganiayaan Terhadap Wanita Dalam Konteks Perundungan Syariah dan Sivil. [https://www.academia.edu/4311601/6\\_Penganiayaan\\_Terhadap\\_Wanita\\_Dalam\\_Konteks\\_Perundungan](https://www.academia.edu/4311601/6_Penganiayaan_Terhadap_Wanita_Dalam_Konteks_Perundungan)
- Hussin, N.S.N. (2022). Kemiskinan haid: Guru, Ibu Bapa Dan Masyarakat Digesa Fahami Keperluan Asas Anak. *Sinar Harian*.
- Ismail, N. T., Che Pa, B., & Abdul Rahman, M. Z. (2021). Kerjaya Wanita Di Peringkat Pengurusan Tertinggi Negara Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadis. *Journal Of Hadith Studies*, 3(2), 12-21. <https://doi.org/10.33102/johs.v3i2.56>
- Sheikh Othman bin Sheikh Salim (2007) *Kamus Dewan: edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartina Tawang, Basri Ibrahim. (2016). Amalan Pengurusan Darah Wanita Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Islam Masyarakat Kontemporari*. 13(87), 87-104
- Jang, D. and Elfenbein, H.A., (2019). Menstrual cycle effects on mental health outcomes: a meta-analysis. *Archives of suicide research*, 23(2), 312-332.
- Latifah A. M, Zuliza Mohd Kusrin, Nurul Suhaida Ibrahim. (2022). Kemiskinan Haid dalam kalangan Miskin Bandar ketika pandemik Covid-19. *NeuroQuantology*, 20(10), 7029-7035
- Majlis Ulamat Indonesia. (2016). *Haid dan Kesihatan menurut ajaran Islam*. Lembaga Permulaan Lingkungan Hidup dan Sumber Daya Alam. Sekolah Pascasarjana Universiti Nasional.
- Mansoor Ismail. (2010). *Tuhfatul ‘Aizza’ Fi Idhoil Masail Dima in Nisaa’*. Petaling Jaya: Miftahul Ulum.

- Mohd Farouq Nukman Bin Zamri, ‘Ainul Mardhiah Binti Zabidi, Norhijjah Binti Siamil, Zul-Kifli Bin Hussin. (2022). Penerokaan Kaedah Fiqh dalam Perbahasan Fiqh Darah Haid: Kajian Terhadap Buku alIbanah wa al-Ifadah fi Ahkam al-Haid wa alNifas wa al-Istihadhah ‘Ala Mazhab al-Imam al-Syafi’i. *Journal of Muwafaqat*, 5 (1), 71-78. <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>
- Muhammad Ali Shabuni. (2008). *Tafsir Ayat Ahkam minal Quran*. Mekah: Darul As Sabuni.
- Mustofa Al- Khin, Mustofa Al-Bugho, Ali Asy-Syarbaji. (2014). *Kitab Fikah Mazhab Syafe*. Pustaka Salam.
- Mu'allim bin Mohd Bakri. (2018). Martabat Wanita Menurut Dalil Naqli. *Buletin ACIS Siri 2*. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/57903/1/57903.pdf>
- Norhafizah Abdul Halim, (2022). Polemik Kemiskinan Haid di Malaysia. <https://myref.org.my/2022/05/26/polemik-kemiskinan-haid-di-malaysia/> Accessss on 25 May 2022
- Nuruddin, M. (2011). *Darah-Darah Haid, Nifas & Istihadhab*. Kuala Lumpur: Telaga Biru. Sdn. Bhd.
- Nor Faiza Mohd. Tohit, Sh Fatimah AlZahrah Bt Syed Hussien, Szariannie Sulaiman, Rohaiza Rokis. (2021). Kemiskinan Haid: Krisis Kesihatan Awam yang Perlu Diakhiri. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 14(Dec), 109-112. ISSN 0128-309X
- Pa'ad, N. S., Kassim, S. B. M., & Rahman, Z. A. (2020). Pendekatan dan Pengaplikasian Motivasi Agama dalam Modul Pembangunan Diri Remaja: Kajian terhadap Program Motivasi Alihan Pelajar (MAP). *Islamijiyat*, 42(2), 137-146.
- Portal Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, (2018) <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2413-al-kafi-743-hukum-membasuh-tuala-wanita-sebelum-dibuang> Accessss on13 May 2023
- Samuri, M.A.A.B. and Khan, A.S.N. (2020). Legal implications of conversion to Islam on civil marriage: Narrative of converts in Malaysia. *Islamijiyat*, 42(2), 103-111.
- Taqiy al-Din Abu Bakr Muhammad al-Shaf'i. (2001). *Kifayah al-Akhyar fi Hal Ghayah al-Ikhtisar*. Dimashq: Dar al-Bashair.
- Rahman, T.A. (2018). September. Kepimpinan Wanita dari Kacamata Islam. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari*, 15(16).
- Samadi Ahmad. (2021). Tuala wanita percuma untuk rakyat miskin bandar. *Harian Metro online*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/717345/tuala-wanita-percuma-untuk-rakyat-miskin-bandar> Access on 20 May 2023
- Wahbah al-Zuhaily. (2010). *Al-Fiqh Islami Wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr. 727
- Yaqin Bakharudin, (2020), *AL KAFI # 1591 : Adakah Cecair Kekuningan Dianggap Haid ?*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - muftiwp.gov.my